

## **KUTKM sedia ambil 1,502 pelajar baru**

**Archival News | Berita Harian | 30/05/2003**

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menawarkan 1,502 tempat kepada pelajar baru yang mengikuti program diploma dan ijazah sarjana muda bagi sesi 2003/2004.

Rektor KUTKM, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata daripada jumlah itu, seramai 1,180 pelajar bagi program ijazah sarjana muda manakala bakinya, 322 pelajar bagi program diploma.

Katanya, sebanyak lapan kursus baru ditawarkan bagi sesi kali ini termasuk Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk dan Inovasi), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu).

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi dan Automasi), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi) dan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pengkalan Data).

Beliau berkata, semua pelajar baru KUTKM akan mula mendaftar Ahad ini di kampus sementara Taman Tasik Ayer Keroh manakala program Minggu Haluan Siswa (MHS) akan bermula pada 2 hingga 4 Jun.

(END) Source : Berita Harian